



## **SEGERA**

Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/11

Tarikh : **23** Ogos 2019

### **Pengarah**

**Syarikat Agensi Persendirian yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971**

Tuan,

### **ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL PERIBADI (BODYGUARD) UNTUK MENYERTAI PROGRAM LATIHAN *CERTIFIED BODYGUARD* (CBG)**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan supaya semua pengawal peribadi (bodyguard) yang bekerja dengan syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan KDN supaya menghadiri **program latihan CBG** bermula pada tahun 2018.

3. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan pengawal peribadi di negara ini. Program latihan ini dilaksanakan dengan kerjasama KDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Perkhidmatan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) dan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad.

4. Program latihan ini dilaksanakan di pusat latihan PDRM yang terpilih dan diadakan selama 7 hari bagi setiap siri latihan. Sebelum menjalani latihan, pelatih hendaklah lulus ujian psikometrik yang dilaksanakan oleh Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad dan PIKM.


5. Untuk makluman, pihak PDRM telah meletakkan syarat bagi permohonan pembaharuan permit membawa dan mengguna (C&U) bagi pengawal peribadi bersenjata api hendaklah menyertakan salinan sijil program latihan CBG.

6. Berdasarkan kepada rekod KDN, pendaftaran pengawal peribadi bagi menyertai program latihan CBG amat rendah. Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan bahawa setiap syarikat kawalan keselamatan yang mempunyai perkhidmatan pengawal peribadi untuk menghantar mereka yang terlibat untuk menyertai program latihan ini.

6. Pihak tuan bolehlah merujuk kepada sekretariat PIKM bagi mendapatkan jadual dan maklumat berhubung proses pendaftaran, tarikh kursus, ujian psikometrik dan bayaran kos latihan. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan berhubung perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF)

**s.k:**

YBhg. Dato' Seri KSU

YBhg. Datuk TKSU (Keselamatan)

Ketua Eksekutif IPSOM

SUSK kepada YB Menteri Dalam Negeri

SUSK kepada YB Timbalan Menteri Dalam Negeri

**Salinan luar:**

**YDH. Dato' Seri Abdul Hamid Bador**

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

No.Faks: 03-20707500

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur  
**(u.p: Pengarah Pengurusan PDRM)**

No. Faks: 03-22731629

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

**(u.p : Pengarah  
Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti)**

No. Faks: 03-22668520

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

**(u.p: Timbalan Pengarah Pengurusan (Latihan)** No. Faks: 03- 22723750

Ketua Polis Negara  
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur  
**(u.p: YDH SAC Datin Norsiah bt Mohd Saaduddin  
Ketua Lesen Pasukan**

**Urus setia KPN Lesen Senjata Api**

No. Faks: 03-22725613

**YBhg. Dato' Sri Ramli Bin Yusuf**

Presiden  
Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)  
No. 715 & 716, Blok A, Tingkat 7, Kelana Business Centre  
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor

No. Faks: 03-78038691

**YBhg. Dato' Rosmadi Bin Ghazali**

Ketua Pegawai Eksekutif

Auxiliary Force Sdn. Bhd

(Ahli Kumpulan Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad)

Tingkat 2B, Bangunan Koperasi Polis,

No.1, Jalan Sulaiman

5000 Kuala Lumpur

No. Faks: 03-22765770